

meringkaskan sembahyang, kerana di kalangan mereka ada yang sakit, ada yang lemah dan ada yang mempunyai keperluan (lain).”³⁰⁹

٩٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عَمْرِو الْعَقَدِيِّ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ الْمَدِينِيُّ عَنْ رَبِيعَةَ بْنِ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ يَزِيدَ مَوْلَى الْمُتَّبِعِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَهُ رَجُلٌ عَنْ اللَّفْظَةِ فَقَالَ اعْرِفْ وَكَأَنَّهَا أَوْ قَالَ وَعَاءُهَا وَعِقَاصُهَا ثُمَّ عَرَّفَهَا سَنَةً ثُمَّ اسْتَمْتَعَ بِهَا فَإِنْ جَاءَ رَبُّهَا فَأَدَّهَا إِلَيْهِ قَالَ فَضَالَةٌ الْإِبِلِ فَغَضِبَ حَتَّى احْمَرَّتْ وَجَنَّتَاهُ أَوْ قَالَ احْمَرَّ وَجْهُهُ فَقَالَ وَمَا لَكَ وَلَهَا مَعَهَا سِقَاؤُهَا وَجِدَاؤُهَا تَرُدُّ الْمَاءَ وَتَرْعَى الشَّجَرَ فَذَرُهَا حَتَّى يَلْقَاهَا رَبُّهَا قَالَ فَضَالَةٌ الْغَنَمِ قَالَ لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلذُّنْبِ.

92 - #`Abdullah bin Muhammad (al-Musnadi al-Ju`fi) meriwayatkan kepada kami, katanya, Abdul Malik bin `Amar al-`Aqadi meriwayatkan kepada kami, katanya, Sulaiman bin Bilal al-Madīni meriwayatkan kepada kami daripada Rabi`ah bin Abi `Abdir Rahman daripada Yazid hamba bebasan al-

³⁰⁹ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

- (1) Marah adalah satu unsur yang perlu ada juga dalam pengajaran dan pendidikan. Marah seorang guru juga kadang-kadang mempunyai kesan yang mendalam, kerana sesetengah pelajar tidak akan serius tanpanya.
- (2) Seorang guru yang bijaksana tidak membuka `aib dan kekurangan muridnya di hadapan orang ramai tetapi menyebutkan tegurannya secara umum sahaja.
- (3) Murid yang telah melakukan kesilapan boleh ditegur oleh gurunya secara bersendirian dan teguran tidak semestinya dinyatakan di hadapan umum.
- (4) Orang-orang Anshār kebanyakannya adalah petani dan peladang.
- (5) Rasulullah s.a.w. tidak memarahi sahabat yang melakukan kesilapan pada perkara yang belum diajarnya, tetapi Baginda akan memarahi mereka sekiranya telah diberitahu hukumnya, hadits ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh imam dalam shalat berjama`ah sudah diajar Baginda.
- (6) Hukum-hakam Islam mengambil kira dan mengutamakan keadaan orang ramai.
- (7) Memanjangkan bacaan surah dalam shalat berjama`ah diharuskan bahkan dianggap elok sekiranya tidak sampai menyusahkan ma'mum.
- (8) Kata an-Nawawi, hadits ini menunjukkan keharusan tidak pergi bersembahyang dengan berjama`ah sekiranya telah diketahui imam shalat selalu memanjangkan shalatnya (dengan membaca surah-surah terlalu panjang dan sebagainya).
- (9) Hadits ini menunjukkan imam kepada orang ramai seeloknya meringkaskan shalat dengan membaca surah-surah yang pendek sahaja, kerana tentu sekali ada ma'mum yang sakit dan yang lemah, tentu sekali juga ma'mum mempunyai kerja-kerja atau hajat-hajat lain yang harus dilakukannya selepas mengerjakan shalat.

Munba'its³¹⁰ daripada Zaid Bin Khalid al-Juhani³¹¹ bahawa Nabi s.a.w. telah ditanya oleh seorang lelaki³¹² tentang barang tercicir yang dijumpai seseorang.

³¹⁰ Beliau meriwayatkan hadits daripada Abu Hurairah dan Zaid bin Khalid al-Juhani. Busr bin Sa'id, Rabī'ah bin Abi 'Abdir Rahman, 'Abdul Malik bin 'Isa ats-Tsaqafi, Yahya bin Sa'id al-Anshāri dan anaknya sendiri yang bernama 'Abdullah adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. Hafizh Ibnu Hajar berkata, Yazid perawi shadūq. Ibnu Hibbaan dan adz-Dzahabi pula mengatakan beliau tsiqah. Hadits-haditsnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits.

³¹¹ Seorang sahabat yang terkenal. Tiga kuniahnya disebut-sebutkan, Abu Thalḥah, Abu 'Abdir Rahman dan Abu Zur'ah. Beliau ikut serta dalam Ghazwah Ḥudaibiah. Pada hari pembukaan Mekah pula bendera puak Juhainah berada di tangannya. Selain meriwayatkan hadits daripada Rasulullah s.a.w. sendiri, beliau juga meriwayatkan hadits daripada Saiyyidina 'Utsman, Abu Thalḥah al-Anshāri dan Ummul Mu'minin 'Aaishah r.a.

Bisyr bin Sa'id, Khalid bin Zaid bin Khalid (anaknya sendiri), Khallād bin as-Sā'ib, Sa'id bin al-Musayyab, Sa'id bin Yasār, 'Athā' bin Abi Rabāḥ adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau.

Sebanyak 81 hadits beliau diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Lima daripadanya muttafaq 'alaih, dan tiga haditsnya hanya diriwayatkan oleh Muslim sahaja tanpa Bukhari. Haditsnya bukan sahaja tersebut di dalam Sunan Sittah, malah di dalam kitab-kitab hadits yang lain juga. Zaid bin Khalid meninggal di Kufah pada tahun 78 Hijrah ketika berumur 85 tahun. Tidak ada di kalangan sahabat Nabi s.a.w. seorang yang bernama Zaid bin Khalid selain beliau.

³¹² Para 'ulama' berbeza pendapat tentang siapakah sebenarnya seorang lelaki yang tidak disebutkan dengan jelas namanya di sini. Di bawah ini dikemukakan beberapa nama yang telah disebut-sebut oleh mereka:

- (1) Ibnu Basykuwāl dan orang-orang yang sependapat dengannya berkata, lelaki itu ialah Bilal mu'addzin Nabi s.a.w. Pendapat ini dibantah oleh banyak pihak kerana tersebut di dalam sesetengah riwayat, yang bertanya itu seorang A'rābi (orang darat/hulu). Sedangkan Bilal tidak pernah disebut sebagai A'rābi.
- (2) Zaid bin Khalid, iaitu perawi hadits ini sendiri. Pendapat ini juga ditolak oleh ramai 'ulama' dengan alasan yang sama.
- (3) Abu Tsa'labah al-Khusyani.
- (4) 'Umair bin Malik.
- (5) Jārūd al-'Abdi. Ketiga-tiga mereka ini ada juga meriwayatkan hadits tentang luqathah dan ada orang bertanya Rasulullah s.a.w. tentangnya. Mungkin salah seorang daripada merekalah yang dimaksudkan dengan seorang lelaki itu.
- (6) Suwaid al-Juhani. Hafizh Ibnu Hajar mengagak Suwaidlah sahabat yang telah bertanya tentang barang yang tercicir itu berdasarkan satu riwayat yang dikemukakan oleh al-Ḥumaidi, al-Baghawi, Ibnu as-Sakan, al-Bārūdi dan at-Thabaraani. Semua mereka telah meriwayatkannya melalui saluran riwayat Muhammad bin Ma'an al-

Nabi s.a.w. bersabda: "Kenalilah pengikatnya atau bekasnya,"³¹³ kemudian engkau isytiharkan (warwarkan) selama setahun.³¹⁴ Selepas itu bolehlah engkau meni`matinya (menggunakannya).³¹⁵ Sekiranya (selepas setahun sekalipun)

Ghifāri daripada Rabī'ah daripada 'Uqbah bin Suwaid daripada ayahnya (Suwaid), katanya: Aku telah bertanya Rasulullah s.a.w. tentang luqathah...

Seperti hadits sebelum ini juga bagi penulis, nama orang yang berkenaan tidak disebut dengan terang oleh perawi kerana mungkin ia difahami sebagai mengaibkan peribadi sahabat yang bertanya.

³¹³ Hadits ini adalah antara hadits asas tentang barang tercicir atau Luqathah. Barang yang tercicir itu ada yang mahal seperti jam tangan dan ada yang murah seperti sayur-sayuran, ada yang tahan lama seperti barang-barang kemas dan ada yang tidak tahan lama seperti makanan panas dan sebagainya, ada yang perlu sentiasa dijaga seperti kenderaan dan ada yang tidak perlu kepada penjagaan, ada yang tidak membahayakan apa-apa dan ada juga yang membahayakan jika ditinggalkan. Secara umumnya nilai barang tercicir dikira mengikut `uruf.

Barang tercicir yang diambil tidak boleh dengan niat untuk dijadikan milik peribadi, ia merupakan satu dosa dan dikira seperti mencuri juga. Sebaliknya ia mestilah diusahakan supaya dapat dikembalikan kepada tuannya. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya diingat dan dipastikan dengan baik perincian dan rupa barangan yang tercicir itu.

Di zaman sekarang banyak cara boleh dipilih untuk mengingat atau menyimpan ma'lumat tentang barang yang tercicir, seperti mengambil gambar atau videonya dan lain-lain.

³¹⁴ Tempoh ini tidaklah dimaksudkan sebagai suatu ketetapan selama setahun secara mutlaq, sebaliknya ia bergantung kepada jenis dan nilai barang yang tercicir itu. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang tempoh mewarwarkan barang yang tercicir, ada yang mengatakan selama seminggu, dua minggu, setahun, tiga tahun, bahkan lebih lama lagi dari itu.

³¹⁵ Imam Bukhari, Malik, Daud az-Zhāhiri, al-Karābīsi dari kalangan 'ulama' Syafi'iyah berpendapat barang tercicir akan menjadi milik penemunya setelah cukup tempoh setahun ia diisytihar dan diwarwarkan, kerana usaha untuk menjaga dan mengisytiharkannya selama tempoh itu adalah satu bebanan kepada penemunya. Jika ia telah diguna atau di makan selepas itu dan datang tuannya, maka penemu tidak perlu lagi membayar ganti ruginya.

Imam Syafi'e pula berpendapat bahawa penemu itu adalah pemegang amanah, jika barang tercicir itu sejenis kenderaan, ia perlu sentiasa dinaiki supaya komponen-komponennya tidak rosak dan gagal berfungsi, begitu juga dengan haiwan tunggangan seperti kuda yang sentiasa perlu berjalan dan berlari. Jika ia sejenis makanan, maka boleh saja ia dimakan, walaupun penemunya adalah seorang yang kaya dan tidak memerlukannya. Jika tuannya kembali selepas itu, maka wajib dibayar dengan nilainya sahaja.

tuan punya barang itu datang menuntut, maka hendaklah engkau berikan kepadanya”.³¹⁶ Orang tadi bertanya lagi: “Bagaimana dengan unta yang hilang?” Nabi s.a.w. naik marah sehingga merah kedua belah pipinya ataupun merah mukanya.³¹⁷ Lalu Baginda bersabda: “Kenapa engkau dengannya? Bersamanya ada bekas minumannya dan kasutnya. Ia boleh pergi ke tempat air dan memakan dedaun kayu. Biarkan unta itu sehingga tuannya menemuinya.”³¹⁸ Orang tadi terus bertanya: “Bagaimana dengan kambing yang hilang?” Nabi s.a.w. bersabda: “Ia sama ada untukmu atau untuk saudaramu atau untuk serigala”.³¹⁹

Mengikut mazhab Hanafi pula orang kaya tidak boleh mengambil manfaat daripada barang tercicir. Apa yang perlu dilakukannya ialah memberikannya kepada orang yang memerlukan, atau terus menjaganya sehingga tuannya kembali. Jika tuannya tidak kembali setelah tamat tempoh pengisytiharan, penemunya mestilah menyedekahkannya dengan meniatkan pahala sedekah itu kembali kepada pemilik asalnya. Jika penemunya seorang miskin yang terdesak, dia boleh mengambil manfaat daripada barang itu dengan niat sedekah dari pemilik asal kepadanya. Jika tuan atau pemiliknya tidak bersetuju dengan sedekah itu, maka wajiblah dibayar dengan nilainya. Tidak boleh juga seseorang penemu barang tercicir itu terus menyedekahkan apa yang ditemuinya itu tanpa mengiklankan dan mewarwarkan terlebih dahulu.

³¹⁶ Imam Bukhari, Malik, Daud az-Zahiri dan lain-lain mengatakan sabda Rasulullah s.a.w. ini tidak menafikan barang tercicir itu telah menjadi milik penemu, perintah ini hanya sekadar untuk menyatakan tindakan yang lebih baik sahaja dan ia bukanlah satu kewajipan seolah-olah barang tercicir itu masih bukan milik penemunya.

³¹⁷ Perawi telah syak di sini, tetapi ma'nanya tidak berubah dan ia menunjukkan Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang berkulit putih cerah.

³¹⁸ Allah s.w.t. menjadikan seekor unta lengkap dengan segala peralatan untuk ia hidup secara bersendirian, ia mampu menyimpan air dan berjalan di padang pasir tanpa perlu selalu dirawat kakinya, tidak seperti sesetengah haiwan yang lain, unta juga diketahui sebagai haiwan yang setia dan mempunyai ingatan yang kuat untuk mengenal rupa, suara, bau dan muka tuannya, ia juga mampu mengingat jalan kembali walaupun setelah berjalan jauh. Kerana ini juga, sesetengah unta yang ditemui tidak dikira sebagai barang tercicir terutamanya unta di zaman Rasulullah s.a.w., kerana unta yang ditanya itu pula adalah unta di Madinah sahaja, bukan yang ditemui di padang pasir.

³¹⁹ Allah s.w.t. juga menjadikan kambing seekor haiwan yang bergantung kepada tuan atau penjaganya, ia tidak dapat menjaga diri dari haiwan pemangsa, tidak mampu juga untuk hidup secara bersendirian, jika tidak dimiliki oleh seseorang atau tidak berada dalam kumpulannya, ia dengan mudah sahaja boleh dimakan oleh haiwan lain.

Kerana itulah kambing yang ditemui dihukum sebagai barang tercicir. Jika tiada tuan yang datang setelah diwarwarkan setahun, penemu akan memilikinya. Jika tuannya datang, kambing itu atau nilainya akan dikembalikan kepadanya. Jika kambing itu dibiarkan sahaja dengan harapan tuannya akan datang, atau kerana tidak mahu mengambil tanggungjawab, mungkin sekali ia akan dimakan haiwan pemangsa. Secara tidak langsung Rasulullah s.a.w. menasihati sahabat yang bertanya supaya mengambil kambing yang tercicir atau terlepas dari tuannya.

Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

(1) Soalan seorang murid mestilah munasabah untuk ditanya, kerana soalan yang tidak tepat akan menunjukkan kekurangan dirinya sendiri. Benar Rasulullah s.a.w. sendiri pernah bersabda:

إِنَّمَا بَشَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ

Bermaksud: Sesungguhnya penawar kejahilan adalah bertanya. (Hadits riwayat Abu Daud, an-Nasaa'i, ad-Daaraquthni dan lain-lain).

Tetapi yang ditanya itu mestilah bukan soalan yang jawapannya boleh difikirkan sendiri dengan mudah, kerana ia membazirkan masa dan menghalang pertanyaan yang lebih berfaedah.

(2) Tidak membuka ruang pertanyaan dalam pembelajaran dan pengajaran adalah satu tindakan yang tidak tepat.

(3) Murid yang sama boleh menanyakan beberapa perkara dari gurunya dan tidak terhad kepada satu soalan sahaja.

(4) Barang tercicir tidak boleh diambil dengan niat untuk kegunaan peribadi dan kemudiannya hanya mengembalikan nilai barang itu sahaja kepada tuannya.

(5) Tanggungjawab orang yang menjaga barangan tercicir mestilah difahami sebagai amanah terhadap saudara sesama Islam.

(6) Mengabaikan sesuatu tanggungjawab dan membiarkannya musnah kerana bimbang tidak dapat menjaganya adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

(7) Kecanggihan teknologi dan kemajuan masyarakat moden memudahkan pencarian barang yang hilang, kemunduran dan kemiskinan pula ada kalanya menyebabkan barang yang tidak tercicir pun dicuri dengan alasan ia adalah barang yang tercicir.

(8) Haiwan yang dimiliki seseorang tidak boleh dianggap sebagai barang tercicir kecuali jika ia berada dalam keadaan bahaya dan di tempat yang boleh mengancam nyawanya.

(9) Kata-kata seorang yang marah tidak semestinya disertai dengan caci maki dan celaan. Rasulullah s.a.w. adalah seorang pendidik yang paling agung, firman Allah s.w.t.:

يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

Bermaksud: (Dialah) yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari i'tiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Qur'an) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syara'). (Al-Jumu'ah:2)

٩٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ بُرَيْدٍ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَشْيَاءَ كَرِهَهَا فَلَمَّا أُكْثِرَ عَلَيْهِ غَضِبَ ثُمَّ قَالَ لِلنَّاسِ سَلُونِي عَمَّا شِئْتُمْ قَالَ رَجُلٌ مِنْ أَبِي قَالَ أَبُوكَ حَذَافَةُ فَقَامَ آخَرُ فَقَالَ مَنْ أَبِي يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ أَبُوكَ سَالِمٌ مَوْلَى شَيْبَةَ فَلَمَّا رَأَى عُمَرُ مَا فِي وَجْهِهِ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَتُوبُ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

93 - Muhammad bin al-'Alā' meriwayatkan kepada kami, katanya, Abu Usamah meriwayatkan kepada kami daripada Buraid daripada Abi Burdah daripada Abi Musa, katanya: "Rasulullah s.a.w. pernah ditanya tentang beberapa perkara yang tidak disenanginya.³²⁰ Apabila banyak pertanyaan kepadanya, Baginda meradang kemudian bersabda kepada orang ramai: "Tanyalah saya apa yang kamu mahu".³²¹ Maka bertanyalah seorang lelaki³²²,

Baginda bukan hanya mengajar, tetapi juga mendidik dengan sifat-sifat yang lengkap pada seorang guru, ada marah, lembut, pujuk, suka dan ada juga teka teki dalam proses pengajaran dan pendidikannya.

³²⁰ Sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang lain tidak menanyakan apa-apa dalam peristiwa ini, tetapi persoalan yang ditanyakan kepada Baginda itu dikemukakan oleh orang-orang munafiq. Sesetengah perkara tidak perlu ditanya kerana ia mungkin menimbulkan kemarahan atau jika dijelaskan hukumnya boleh jadi ia menyusahkan orang yang bertanya, firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءَ إِن تُبَدَ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu (al-Ma'idah:101).

Tidak perlu juga ditanya terlalu banyak persoalan tentang sesuatu perkara, seperti yang dilakukan oleh Bani Isra'il ketika diperintahkan supaya disembelih lembu, firman Allah s.w.t.:

فَذَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ

Bermaksud: Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.

³²¹ Kata-kata Rasulullah s.a.w. ini adalah sahutan cabaran daripada orang-orang munafiq yang mengetahui bahawa di sebalik Baginda adalah Allah s.w.t. yang memberikan pengetahuan kepadanya.

³²² Lelaki ini bernama 'Abdullah bin Huzaifah seperti yang akan ditemui dalam hadits di bawah tajuk ke-29 akan datang, beliau menanyakan soalan ini kerana terdapat pertikaian tentang siapakah ayahnya, peristiwa ini berlaku pada zaman awal islam ketika masih ada saki baki perkahwinan zaman jahiliyah dan hasil pergaulan masyarakat yang belum mendapat panduan agama. Mengikut riwayat yang lain, ibunya menyumpah seranah kepadanya kerana menanyakan soalan sebegitu, kata

“Siapakah ayah saya?” Nabi s.a.w. bersabda: “Ayahmu Hudzāfah”. Lantas bangun yang lain pula bertanya: “Siapakah ayah saya wahai Rasulallah?”. Rasulallah s.a.w. bersabda: “Ayahmu Salim iaitu hamba bebasan Syaibah”.³²³ Tatkala `Umar melihat perubahan pada muka Nabi s.a.w., beliau pun terus berkata: “Wahai Rasulallah, kami bertaubat kepada Allah (kerana bertanya tentang perkara yang bukan-bukan itu)”.³²⁴

ibunya: “Kamu memalukan aku, bagaimana kalau dikatakan orang lain (sebagai ayahmu)?”, `Abdullah menjawab: “Jika Rasulallah mengatakan bahawa ayahku adalah seorang hamba habsyi, aku menerima kata-katanya itu”. Rasulallah s.a.w. juga memarahi persoalan ini kerana ia tidak sesuai ditanyakan di khalayak ramai. Persoalan ini juga merebak kepada orang-orang lain sehingga mereka turut bertanyakan soalan yang sama kerana mungkin mempunyai masalah yang sama dengan `Abdullah bin Huzafah.

³²³ Mengikut riwayat yang lain terdapat tambahan yang tidak menepati syarat Imam Bukhari, Rasulallah s.a.w. berkata: “Tanyalah lagi” tetapi tiada siapa yang bertanya.

³²⁴ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

- (1) Pertanyaan yang hendak diajukan kepada seorang guru mestilah mengikut tertib dan turutannya, tidak boleh dikemukakan soalan sebelum selesai diberikan jawapan kepada soalan sebelumnya.
- (2) Ada orang yang bertanya kerana benar-benar ingin mengetahui kebenaran, ada juga orang yang bertanya kerana ingin menimbulkan kekecohan dan menjatuhkan maruah seseorang.
- (3) Soalan-soalan yang ditanyakan kepada Rasulallah s.a.w. dalam hadits ini dijawabnya walaupun dalam keadaan marah.
- (4) Sayyidina `Umar adalah antara murid Rasulallah s.a.w. yang cerdik, beliau memahami keadaan yang dihadapi Baginda dan mewakili sahabat-sahabat yang lain memohon kemaafan darinya walaupun beliau sendiri tidak menanyakan apa-apa.
- (5) Rasulallah s.a.w. datang membawa syari`at, persoalan tentang perkara yang boleh dijawab oleh orang lain tidak perlu ditanyakan kepada Baginda, kerana seorang Rasul juga adalah manusia yang mempunyai jangka hayat yang terhad, beliau s.a.w. selayaknya ditanyakan tentang hukum-hakam dan syari`at Allah s.w.t.
- (6) Islam menghapuskan perkara-perkara dosa yang terdahulu, tidak perlu lagi diungkit masalah-masalah yang berlaku di zaman jahiliyah dahulu, kerana itulah Rasulallah s.a.w. marah dengan soalan tentang asal keturunan seseorang di zaman itu, ia termasuk perkara yang tidak sepatutnya ditanya di tempat umum.